

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk mengimplementasi Program Perubatan Siswazah Cemerlang yang memberi peluang kepada pelatih perubatan siswazah "*Houseman*" untuk tamatkan '*Housemanship*' dalam tempoh 18 bulan berbanding 2 tahun melalui program '*Fast Track*' yang telah dipersetujui oleh Kabinet pada tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa proaktif melaksanakan penambahbaikan dalam Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) terutamanya kepada PPS yang mempunyai bakat terbaik dan cemerlang melalui *High Performance Housemanship Programme* (HPHP).
2. Cadangan HPHP tersebut dikemukakan pada masa lalu iaitu **semasa PPS merupakan lantikan tetap** supaya mereka dapat menamatkan posting wajib dengan lebih awal bagi mengikuti program kepakaran dan diberi Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Hal ini seterusnya membolehkan lebih ramai pakar dihasilkan dengan lebih cepat untuk keperluan negara.
3. Namun begitu, sejak 2016 **apabila PPS dilantik secara kontrak** dan tidak lagi berpeluang untuk mengikuti program kepakaran atau mendapat HLP, maka pelaksanaan HPHP tersebut **sedang disemak semula**.

Sekian, terima kasih.